



Teknologi kitar semula minyak hitam

Oleh LAUPA JUNUS

SEBAGAI pemilik kenderaan, kita rata-ratanya tidak mengetahui bahawa selain melepaskan asap kenderaan ke atmosfera yang mencemarkan alam sekitar satu lagi sumbangan pencemaran ialah minyak hitam.

Apa yang kita tahu apabila cukup tempoh atau meter pada kenderaan kita sudah capai batuan tertentu kenderaan akan dihantar ke pusat servis untuk menukar minyak enjin yang juga dikenali sebagai minyak hitam.

Tetapi berapa ramai yang berfikir ke mana minyak hitam terpakai yang dikeluarkan dari kenderaan kita itu dibuang.

Bayangkan dalam sehari berapa banyak minyak hitam terpakai yang dikeluarkan dari kenderaan kita itu mengalir ke sungai hingga mencemarkan sumber air kita.

Ini merupakan sebahagian daripada

beban kepada alam sekitar.

Dalam menangani masalah itu, seorang penyelidik tempatan berusaha mengurangkan impak pembuangan minyak hitam kepada alam sekitar dengan mencari jalan untuk memanfaatkannya termasuk digunakan semula.

Penyelidikan terbabit yang diketuai Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus yang juga Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuantan, Pahang telah memulakan penyelidikan mereka pada November 2007.

Penyelidikan yang dinamakan projek teknologi hijau kitar semula minyak hitam terpakai dijalankan secara usaha sama antara UMP melalui anak syarikatnya, UMP Green Technology Sdn. Bhd. dan Urban Environmental Industries Sdn. Bhd. Ia dibiayai di bawah Skim *Technofund*, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Rosli yang ditemui berkata, antara manfaat daripada teknologi tersebut ialah ia mampu menyelesaikan masalah melupuskan minyak hitam.



UMP Green Technology Sdn. Bhd. mengorak langkah dalam industri berkaitan penjagaan alam sekitar dengan terbina loji menghasilkan minyak pelincir daripada minyak hitam terpakai.

"Minyak hitam merupakan bahan buangan terjadual seperti termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kebanyakannya diproses menjadi bahan bakar sekali gus mencemarkan alam sekitar dan ia hanya boleh diuruskan dan dilupuskan oleh pihak yang mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar,"katanya.

Menurut beliau, minyak hitam terpakai tersebut dilupuskan dan dibeli oleh pihak tertentu yang tidak mempunyai lesen dan menyalahi undang-undang.

Terdapat juga kes ia diseludup keluar kerana mendapat permintaan dan harga yang tinggi di pasaran.

Oleh itu, kata beliau, dengan adanya teknologi tersebut, ia dapat memberi kesedaran kepada nelayan pengusaha bengkel penyelenggaraan kenderaan, industri kapal dan kilang-kilang untuk menyimpan minyak hitam terpakai dalam tong-tong yang disediakan.

Ia bagi mengelakkan mereka membuang minyak hitam ini di laut, sungai, parit atau ditanam dalam tanah yang boleh mencemarkan air bawah tanah dan alam sekitar.

Istimewanya, teknologi tersebut tidak mengeluarkan sebarang sisa buangan kerana semua ditukarkan menjadi produk minyak dasar dan produk lain seperti gris.

Menurut Rosli, projek berkenaan boleh dianggap sebagai projek